

## **Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** KESKA  
**Sent:** 03 Julai 2016 18:03  
**To:** KESKA - keskanet; UUM - All Staff  
**Cc:** KESKA - AMJK  
**Subject:** INFO KESKA: MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN AIDILFITRI KEPADA AHLI KESKA YANG BERTUGAS PADA HARI RAYA DAN AHLI SEDANG SAKIT



**03 JULAI 2016/28 RAMADHAN 1437H**

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**



**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN AIDILFITRI  
KEPADA AHLI KESKA YANG BERTUGAS  
PADA HARI RAYA AIDILFITRI DAN AHLI SEDANG SAKIT  
03 JULAI 2016 (AHAD)**

INFO KESKA : Sintok, 03 Julai – Majlis Penyerahan Sumbangan Aidilfitri telah diadakan bertempat di Bilik Taklimat Universiti, Bangunan Censelori Jam 10.30 pagi, Kesatuan Kakitangan Universiti Utara Malaysia (KESKA) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Sumbangan Aidilfitri untuk 41 ahli KESKA yang akan bertugas pada Hari Raya Aidilfitri di jangka pada 6 dan 7 Julai 2016.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut disampaikan oleh Presiden KESKA, YM Ku Azmi Ku Ibrahim kepada ahli Kesatuan terlibat yang berkhidmat di Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Peyenggaraan, Pusat Komputer, dan Pusat Islam.

Dalam masa yang sama juga, Kesatuan juga turut memberikan sumbangan kepada 6 ahli KESKA yang sedang sakit bagi meringankan beban ahli KESKA tersebut, Sumbangan berupa hemper dan wang tunai juga turut diberikan bagi membantu dan meringankan beban ahli yang sakit.

Pada majlis tersebut, YM Ku Azmi Ku Ibrahim, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Selamat Bertugas kepada semua ahli KESKA yang hadir. Kesatuan telah memperuntukan sejumlah RM 2,300 bagi meraikan dan membantu ahli KESKA serta sebagai tanda penghargaan terima kasih kepada jasa dan pengorbanan ahli Kesatuan yang akan bertugas pada Hari Raya Aidilfitri nanti dan membantu ahli yang sedang sakit.

Majlis Penyerahan Sumbangan Aidilfitri ini merupakan sebahagian acara tahunan Kesatuan bagi menghargai dan membantu ahli KESKA. Hadir sama pada majlis ini ialah barisan Ahli Majlis Jawatankuasa KESKA bagi sama-sama meraikan ahli yang menerima sumbangan pada Majlis Penyerahan Sumbangan Aidilfitri tersebut.

#### **“BERSATU BERSAMA UNIVERSITI”**

=====  
DARIPADA:  
KESATUAN KAKITANGAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
E-MEL : [keska@uum.edu.my](mailto:keska@uum.edu.my)